



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MYREPOSITORI: MEMPERKASA KHAZANAH DIGITAL NEGARA

PUTRAJAYA, 19 April - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju pemeliharaan ilmu dan warisan negara melalui pembangunan MyRepositori, sebuah platform khazanah digital negara yang menghimpunkan koleksi bernilai tinggi untuk akses rakyat.

MyRepositori merupakan inisiatif strategik negara dalam memastikan warisan intelektual, sejarah dan budaya Malaysia terus dipelihara, didigitalkan dan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa sempadan.

Sehingga kini, MyRepositori telah merekodkan lebih daripada 55,000 judul koleksi digital, merangkumi pelbagai kategori utama seperti:

- * Koleksi Negara
- * Koleksi Khas
- * Koleksi Manuskrip Melayu
- * Koleksi Mikrofilem (Surat Khabar)

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata koleksi ini merupakan aset negara yang amat berharga, mencerminkan identiti, sejarah dan ketamadunan Malaysia yang perlu dipelihara serta diwariskan kepada generasi akan datang.

UNTUK SIARAN NEGARA

Dalam era digital yang pantas berkembang, akses kepada maklumat yang sahih dan berkualiti adalah asas kepada pembinaan masyarakat berilmu, berdaya saing dan bersatu padu. Justeru, MyRepository menjadi pemangkin kepada transformasi ini dengan menyediakan platform rujukan yang dipercayai dan komprehensif. Orang ramai dijemput untuk meneroka khazanah digital negara ini melalui laman sesawang rasmi: <https://myrepositori.pnm.gov.my>

Kementerian Perpaduan Negara komited untuk terus memperkasa usaha pendigitalan khazanah negara demi memastikan warisan ilmu ini kekal relevan, lestari dan menjadi milik bersama seluruh rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

17 April 2026

KPN.100-9/1/16 (33)

